

19/08/1999

Usahawan hadiri forum ketiga Asli

BEIJING, Rabu - Lebih 500 usahawan China dan Malaysia dijangka menghadiri Forum Malaysia-China Ketiga anjuran Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) di sini, esok.

Ketua Pegawai Eksekutif Asli, Datuk Micheal Yoeh, berkata forum itu antara lain bertujuan meningkatkan lagi kerjasama, khususnya dalam bidang ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara.

Selain itu, katanya, ia juga bertujuan untuk menjelaskan keadaan sebenar ekonomi Malaysia yang kini dalam proses pemulihan selepas mengalami kegawatan sejak pertengahan 1997.

Beliau berkata, kemuncak forum itu ialah ucapnama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertajuk 'Hubungan Malaysia-China: Cabaran dan Peluang Pada Abad ke-21' ketika jamuan tengah hari.

(END)